



PERATURAN DAN PENGHAKIMAN MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN (PINDAAN 2024)

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**JAWATANKUASA SEMAKAN PERATURAN DAN PENGHAKIMAN
MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT
KEBANGSAAN (PINDAAN 2024):**

Pengerusi

YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
Ketua Pengarah JAKIM

Timbalan Pengerusi

YBrs. Dr. Mohamad Kori Jusoh
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM

Setiausaha

Puan Intan Syahrina binti Zainal Abidin
Pengarah Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar JAKIM

Ahli Penggubal – Panel

YBhg. Dato' Haji Ahmad Faizul bin Ghazali
YBrs. Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Mohamad
Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni
Tuan Haji Othman bin Muda
Tuan Haji Mohd Nidzomuddin bin Ahmad
Tuan Haji Abdul Karim bin Zakaria
Tuan Haji Amirahman bin Abas
Tuan Haji Ahmad Tirmizi bin Haji Ali

Urus Setia

Encik Kamal Norfarid bin Kamarudin
Encik Majdi bin Mohamad Nor
Encik Mohd As'ari bin Abdan
Encik Ahmad Termizi bin Zainudin
Puan Nurul Hafizah binti Muhamad Mokhtar
Puan Azura binti Ibrahim



ISI KANDUNGAN

PERATURAN DAN PENGHAKIMAN MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN (PINDAAN 2024)

BAHAGIAN	PERKARA	MUKA SURAT
Bahagian 1	Pendahuluan	1
Bahagian 2	Pelaksanaan Majlis	2
Bahagian 3	Syarat-syarat Penyertaan	6
Bahagian 4	Penghakiman:	
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kaedah Penghakiman Kategori Tilawah ▪ Kaedah Penghakiman Kategori Hafazan 	11 27
	Penentuan Pemenang	44
Bahagian 5	Penutup	45

PERATURAN DAN PENGHAKIMAN MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN (PINDAAN 2024)

BAHAGIAN 1: PENDAHULUAN

1. NAMA

Peraturan ini dinamakan Peraturan dan Penghakiman Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan.

2. PEMAKAIAN

Peraturan ini hanya terpakai bagi Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan.

3. TAFSIRAN

Dalam peraturan ini, melainkan konteksnya mengkehendaki makna yang lain-

“Jawatankuasa Induk” ertinya Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat (YB) Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Hal Ehwal Agama) atau/dan secara bersama dengan Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar atau Premier/Ketua Menteri Negeri-negeri di Malaysia.

“Jawatankuasa Pelaksana” ertinya Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau/dan secara bersama dengan Setiausaha Kerajaan Negeri.

“Jawatankuasa Kerja” ertinya Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh ahli-ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk.

“Jemaah Hakim” ertinya anggota-anggota untuk menghakimi Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang dilantik di bawah para 57 dan 67.

“Majlis” ertinya Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK).

“Penganjur” ertinya agensi yang menguruskan Penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

“Penganjur Bersama” ertinya agensi yang menguruskan Penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan secara bersama iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Kerajaan Negeri.

“Urus Setia Induk” ertinya Bahagian di JAKIM yang dipertanggungjawabkan mengurus MTHQK.

BAHAGIAN 2: PELAKSANAAN MAJLIS

ANJURAN DAN KELOLAAN

4. MTHQK dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan diuruskan oleh JAKIM atau/dengan kerjasama Kerajaan Negeri yang ditetapkan secara penggiliran dari semasa ke semasa.
5. Pelaksanaannya dikelolakan oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Induk MTHQK.

PENUBUHAN JAWATANKUASA

6. Jawatankuasa Induk terdiri daripada keanggotaan seperti yang berikut:
 - (a) Pengerusi merupakan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Jika pelaksanaan secara bersama, Pengerusi Bersama adalah YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) atau wakilnya atau/dan YAB Menteri Besar/Premier/ Ketua Menteri atau wakilnya.
 - (b) Beberapa orang ahli yang mewakili Kementerian/Jabatan/ Agensi berkaitan yang dilantik oleh Pengerusi atau/dan Pengerusi Bersama.

- (c) Beberapa orang ahli dalam kalangan orang perseorangan yang dilantik oleh Pengerusi atau/dan Pengerusi Bersama, berdasarkan pengalaman dan kemahiran dalam bidang al-Quran, mengikut keperluan.
- (d) Setiausaha adalah Ketua Pengarah JAKIM atau wakilnya. Jika dilaksanakan secara bersama Setiausaha Bersama adalah Ketua Pengarah JAKIM atau wakilnya dan Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakilnya.
- (e) Urus setia Jawatankuasa Induk ialah Bahagian di JAKIM dan/ atau Jabatan Agama Islam Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan majlis.

FUNGSI JAWATANKUASA INDUK

- 7. Jawatankuasa Induk berhak menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya bagi tujuan membantu pelaksanaan majlis. Jawatankuasa ini mempunyai bidang kuasa dalam perkara yang berikut:
 - (a) Menggariskan dasar pelaksanaan majlis pada tahun berkaitan.
 - (b) Menentukan tarikh, lokasi dan atur cara majlis.
 - (c) Memastikan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana diadakan sekurang-kurangnya 3 kali sebelum majlis berlangsung.
 - (d) Memastikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja diadakan bagi setiap jawatankuasa.
 - (e) Memantau perkembangan pelaksanaan semua jawatankuasa yang dibentuk.

JAWATANKUASA PELAKSANA

- 8. Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Jawatankuasa Induk seperti yang berikut:

- (a) Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM dan/atau Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakil kedua-duanya.
- (b) Setiausaha bagi Jawatankuasa ini ialah Pengarah Bahagian di JAKIM yang dipertanggungjawabkan dan/atau Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri.
- (c) Urus setia Jawatankuasa Pelaksana ialah Bahagian di JAKIM dan/atau Jabatan Agama Islam Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan majlis.

FUNGSI JAWATANKUASA PELAKSANA

9. Jawatankuasa ini berfungsi seperti yang berikut:

- (a) Memastikan dasar pelaksanaan majlis yang diputuskan oleh Jawatankuasa Induk dilaksanakan dengan sempurna.
- (b) Menyediakan anggaran bajet keseluruhan.
- (c) Menyelaras dengan semua jabatan dan agensi berkaitan.
- (d) Memantau perkembangan pelaksanaan semua jawatankuasa kerja.

JAWATANKUASA KERJA

10. Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Jawatankuasa Pelaksana seperti yang berikut:

- (a) Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua-ketua Jabatan atau wakilnya.
- (b) Setiausaha bagi jawatankuasa ini ialah pegawai yang dipertanggungjawabkan.

- (c) Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja terdiri daripada jabatan dan agensi di persekutuan/negeri.
- (d) Urus setia yang dipertanggungjawabkan.

FUNGSI JAWATANKUASA KERJA

11. Jawatankuasa ini berfungsi seperti yang berikut:

- (a) Memastikan tugas yang telah dipertanggungjawabkan dilaksanakan dengan sempurna.
- (b) Menyediakan anggaran bajet berdasarkan keperluan jawatankuasa.
- (c) Melaporkan perkembangan pelaksanaan tugas kepada Jawatankuasa Pelaksana.
- (d) Melaksanakan arahan-arahan dari semasa ke semasa.

PENENTUAN GILIRAN TUAN RUMAH

12. Penentuan giliran tuan rumah bagi penganjuran majlis adalah berdasarkan tatacara yang berikut:

- (a) Cadangan penggiliran dibentang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Bersama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau mana-mana mesyuarat yang bersesuaian oleh Urus setia Induk.
- (b) Penawaran sebagai tuan rumah dikeluarkan kepada Penganjur Bersama sekurang-kurangnya 18 bulan dari tahun penganjuran. Tuan rumah perlu memberi maklum balas persetujuan secara bertulis dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh surat tawaran yang dikeluarkan.
- (c) Sekiranya negeri menolak tawaran penganjuran, Urus Setia Induk boleh menawarkan kepada negeri lain atau JAKIM akan mengambil alih pelaksanaan majlis untuk diadakan pada tarikh dan lokasi yang bersesuaian.

PELAKSANAAN MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT NEGERI

13. Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri (MTHQN) hendaklah diadakan dalam tempoh selewat-lewatnya dua bulan sebelum MTHQK diadakan.

HADIAH DAN CENDERAMATA

14. Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga akan menerima hadiah utama iaitu wang tunai berserta hadiah iringan manakala peserta lain akan menerima saguhati.
15. Semua peserta akan menerima cenderamata dan sijil penyertaan.
16. Pihak negeri boleh menambah cenderamata iringan yang bersetujuan.

BAHAGIAN 3: SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

PESERTA MTHQK

17. Peserta-peserta MTHQK terdiri daripada peserta yang mewakili negeri-negeri di Malaysia iaitu johan peserta kategori tilawah dan hafazan bagi Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri berkenaan.

SYARAT-SYARAT UMUM PESERTA

18. Beragama Islam.
19. Warganegara Malaysia.
20. Umur peserta:
 - (a) Bagi kategori tilawah hendaklah berumur 18 tahun masihi dan ke atas pada tahun penganjuran.
 - (b) Bagi kategori hafazan hendaklah berumur tidak kurang dari 13 tahun dan tidak melebihi 25 tahun masihi pada tahun penganjuran.

21. Sekiranya mana-mana negeri tidak dapat menghantar johan peserta kategori tilawah dan hafazan bagi Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri, peserta lain boleh dicalonkan oleh negeri berkenaan dengan sebab yang munasabah dan mendapat persetujuan Jawatankuasa Induk.
22. Peserta hendaklah merupakan anak kelahiran negeri yang diwakilinya berdasarkan sijil kelahiran/ kad pengenalan.
23. Bagi pemastautin (tempat tinggal/ kerja/ belajar), peserta hendaklah tertakluk kepada peraturan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri.
24. Peserta hanya dibenarkan menyertai satu MTHQ Negeri, sekalipun penganjuran MTHQ Negeri berkenaan pada tahun yang berbeza. Peserta yang menyertai lebih dari satu Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran di mana-mana peringkat negeri tidak dibenarkan menyertai MTHQK.
25. Peserta kategori tilawah hendaklah tidak menjadi hakim tilawah di mana-mana peringkat daerah dan negeri anjuran Kerajaan Negeri bermula tahun 2026. Manakala peserta kategori hafazan juga hendaklah tidak menjadi hakim hafazan di mana-mana peringkat daerah dan negeri anjuran Kerajaan Negeri bermula tahun 2026.
26. Negeri bertanggungjawab memastikan kebolehbacaan peserta berdasarkan undian yang ditetapkan dan Jawatankuasa Induk tidak akan menerima permohonan Negeri yang ingin menukar hari bacaan peserta.
27. Setiap peserta dikehendaki hadir dalam majlis pengundian bagi menentukan giliran membaca dan tidak boleh mewakilkannya kecuali dalam keadaan yang amat mustahak dan mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Induk.
28. Keputusan undian adalah muktamad. Peserta tidak dibenarkan sama sekali menukar giliran membaca atau ayat yang hendak dibaca selepas pengundian dibuat.

29. Peserta hendaklah:
- (a) Berada di lokasi majlis sekurang-kurangnya 30 minit sebelum majlis bermula.
 - (b) Berada di ruang menunggu astaka 15 minit sebelum giliran membaca.
30. Peserta lelaki hendaklah berpakaian baju kebangsaan lengkap manakala peserta wanita hendaklah berpakaian sopan dan menutup aurat ketika mempersembahkan bacaan, Majlis Perasmian Pembukaan serta Majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah. Peserta wanita tidak dibenarkan memakai penutup muka/ niqab/purdah semasa mempersembahkan bacaan dan semasa majlis penyampaian hadiah.
31. Setiap peserta hendaklah mematuhi semua arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Urus Setia Induk dari semasa ke semasa.
32. Setiap peserta hendaklah mengisi maklumat menerusi sistem eMTHQK yang diselaraskan oleh Urus Setia Induk. Semua kategori pengguna sistem eMTHQK boleh merujuk lampiran Manual Keperluan Pengguna bagi sistem tersebut.
33. Penyertaan akan terbatal sekiranya mana-mana syarat di atas tidak dipatuhi.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KATEGORI TILAWAH

34. Peserta boleh menyertai MTHQK sebanyak dua kali berturut-turut. Selepas itu beliau hendaklah berehat satu tahun dan boleh menyertai majlis berikutnya melalui penyertaan negeri masing-masing.
35. Peserta tidak dibenarkan menyertai MTHQK selepas mendapat Johan dalam Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA).

36. Peserta dikehendaki membaca secara mujawwad menurut riwayat Hafs 'an 'Asim dari Tariq as-Syatibiyyah. Peserta boleh membaca dengan Tariq at-Toyyibah dan hendaklah memaklumkan kepada Urus Setia Induk selewat-lewatnya lima jam sebelum peserta mempersembahkan bacaan.
37. Peserta hendaklah mengundi ayat dan dua jenis taranum wajib untuk dibaca pada waktu yang ditetapkan oleh Urus Setia Hakim.
38. Peserta dikehendaki memulakan bacaan dengan lafaz Isti'azah dan Basmalah secara jahr.
39. Peserta dikehendaki menamatkan bacaan di akhir ayat lalu diikuti dengan lafaz Sadaqallah al-Azim secara jahr.
40. Peserta dikehendaki membaca bermula daripada ayat yang telah diundi dalam tempoh 10 minit. Pengiraan masa bermula daripada bacaan isti'azah manakala penghakiman bermula daripada bacaan basmalah.
41. Peserta dikehendaki mengalunkan taranum wajib yang ditetapkan secara berturut-turut. Sekiranya soalan menetapkan Soba dan Jiharkah, maka peserta dikehendaki mengalunkan Jiharkah sebaik selesai mengalunkan Soba tanpa diselangi taranum lain.
42. Peserta boleh memulakan bacaan dengan mana-mana taranum dan menyempurnakan sekurang-kurangnya 4 taranum dalam satu bacaan. Peserta hendaklah membaca sekurang-kurangnya 4 harakat pada setiap taranum.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KATEGORI HAFAZAN

TAHAP SATU: JUZUK 1 HINGGA 10 DAN MUJAWWAD

43. Peserta dibenarkan mengambil bahagian dalam tahap ini di MTHQK sebanyak 3 kali (berturut-turut atau berselang).
44. Peserta yang pernah mendapat Johan Tahap Satu di MTHQK atau pernah mengambil bahagian dalam Tahap Dua atau Tiga tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam tahap ini.

TAHAP DUA: JUZUK 1 HINGGA 20

45. Peserta dibenarkan mengambil bahagian dalam tahap ini di MTHQK sebanyak 3 kali (berturut-turut atau berselang).
46. Peserta yang pernah mendapat Johan Tahap Dua di MTHQK atau pernah mengambil bahagian dalam Tahap Tiga tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam tahap ini.

TAHAP TIGA: JUZUK 1 HINGGA 30 DAN TAFSIR

47. Peserta dibenarkan mengambil bahagian dalam tahap ini di MTHQK sebanyak 3 kali (berturut-turut atau berselang).
48. Peserta tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam Tahap Satu dan Dua.
49. Peserta yang telah menyandang Johan Tahap Tiga sebanyak dua kali tidak dibenarkan menyertai MTHQK bagi kategori hafazan.
50. Peserta yang telah menyandang Johan MTHQA kategori hafazan tidak dibenarkan menyertai MTHQK bagi kategori hafazan.

Peraturan Umum Kategori Hafazan

51. Peserta dikehendaki mempersembahkan hafazan secara murattal menurut riwayat Hafs ‘an ‘Asim dari Tariq as-Syatibiyyah.
52. Setiap peserta hendaklah mengundi ayat-ayat hafazan pada waktu yang ditetapkan oleh Urus Setia Hakim.
53. Peserta dikehendaki membaca ayat hafazan berdasarkan arahan Hakim Fatih dengan kadar 9 hingga 10 baris dalam tempoh 2 minit. Pengiraan masa bermula daripada bacaan ayat hafazan. Bagi peserta yang memohon pengulangan soalan, masa dikira sejurus Hakim Fatih membaca soalan ulangan.
54. Bagi soalan mujawwad, peserta dikehendaki membaca ayat hafazan berdasarkan arahan Hakim Fatih dalam tempoh 4 minit. Bacaan akan ditamatkan dalam tempoh 2 minit sekiranya peserta membaca secara murattal.

55. Bagi bahagian tafsir, peserta hendaklah memberi jawapan sejurus soalan dikemukakan. Peserta dianggap gagal sekiranya tidak mula menjawab selepas 15 saat dan pembaz akan dibunyikan.
56. Peserta hanya dibenarkan menyertai satu (1) Tahap sahaja bagi setiap penyertaan pada tahun semasa.

BAHAGIAN 4: PENGHAKIMAN

(1) KAEDEAH PENGHAKIMAN TILAWAH

57. (1) Jemaah Hakim Tilawah hendaklah terdiri daripada—
 - (a) Ketua Pengarah JAKIM sebagai Pengerusi Jemaah Hakim yang hendaklah dilantik oleh YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk MTHQK; dan
 - (b) anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Pengerusi Jemaah Hakim seperti yang berikut:
 - (i) seorang Timbalan Pengerusi;
 - (ii) seorang Setiausaha;
 - (iii) seorang Penolong Setiausaha; dan
 - (iv) sekurang-kurangnya 12 orang Hakim.
- (2) Jika, dalam apa-apa tempoh, Ketua Pengarah JAKIM tidak ada di dalam Malaysia, sakit atau atas apa-apa sebab lain, tidak berdaya melaksanakan fungsinya, YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk MTHQK hendaklah melantik Timbalan Ketua Pengarah JAKIM sebagai Pengerusi Jemaah Hakim dan Timbalan Ketua Pengarah JAKIM itu hendaklah melaksanakan fungsi Pengerusi Jemaah Hakim selama tempoh itu termasuk fungsinya untuk melantik anggota Jemaah Hakim Tilawah di bawah perenggan (i), (ii), (iii) dan (iv).

PENGHAKIMAN

58. Bidang penghakiman adalah seperti berikut:

- (a) Tajwid
- (b) Taranum
- (c) Fasahah
- (d) Suara

KOMPETENSI JEMAAH HAKIM

59. Kompetensi Jemaah Hakim Tilawah adalah seperti yang berikut:

- (a) Berintegriti.
- (b) Mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu al-Quran dan al-Qiraat.
- (c) Sentiasa mengekalkan tilawah al-Quran dalam kehidupan harian.
- (d) Beretika Hamalat al-Quran yang tinggi dan beradab.
- (e) Mahir dalam bidang suara dan taranum bagi hakim berkenaan dan keutamaan diberikan kepada Johan MTHQK.
- (f) Mempunyai pengalaman menjadi hakim undangan dari dalam dan luar Negara.
- (g) Sihat tubuh badan dan mampu menjalankan tugas dengan sempurna.

TUGAS JEMAAH HAKIM

60. Pengerusi Jemaah Hakim bertanggungjawab mengatur dan mentadbir cara penghakiman yang lengkap dengan memastikan ia dijalankan dengan penuh amanah, adil dan rahsia. Di samping itu, beliau bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara seperti yang berikut:
- (a) Memastikan soalan ayat-ayat dan borang permarkahan disediakan.
 - (b) Memastikan penentuan tarikh, sesi, giliran dan soalan ayat-ayat peserta membaca diadakan secara undi.
 - (c) Sentiasa berada di tempat penghakiman bagi memantau dan mengawasi tugas penghakiman.
 - (d) Mempengerusikan mesyuarat Jemaah Hakim, iaitu sebelum dan selepas majlis.
 - (e) Melantik ahli jemaah hakim.
 - (f) Menetapkan tugas-tugas penghakiman ahli jemaah hakim.
 - (g) Menilai, mengesahkan dan menandatangani keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh setiap ahli jemaah hakim.
 - (h) Mengisyiharkan keputusan MTHQK.
 - (i) Melantik beberapa orang pegawai petugas urus setia Jemaah Hakim bagi membantu kerja-kerja berkaitan Jawatankuasa Kehakiman.
 - (j) Pengerusi berkuasa sepenuhnya memuktamadkan pelaksanaan penghakiman MTHQK.
 - (k) Mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana hakim yang melanggar etika penghakiman.

61. Tugas-tugas Jemaah Hakim adalah seperti yang berikut:

- (a) Setiap hakim hendaklah menghakimi bacaan peserta mengikut bidang-bidang yang ditetapkan oleh Pengurus Jemaah Hakim.
- (b) Melaksanakan penghakiman berdasarkan Peraturan dan Penghakiman MTHQK (Pindaan 2024) dan sebarang pindaan yang diputuskan dari semasa ke semasa.
- (c) Setiap hakim dikehendaki menghakimi dengan adil, amanah dan bertanggungjawab.
- (d) Merahsiakan proses penghakiman dan pemarkahan.
- (e) Mengemukakan ulasan penghakiman mengikut bidang masing-masing.
- (f) Jemaah Hakim boleh dilantik sebagai penasihat, panel, pembimbing, fasilitator dan pakar rujuk bagi sebarang keperluan yang berkaitan dengan MTHQK dan MTHQA.

62. Kaedah Penghakiman

Jemaah Hakim hendaklah mengadakan satu kaedah penghakiman yang meliputi perkara-perkara yang berikut:

- (a) Bahagian-bahagian penghakiman iaitu Tajwid, Taranum, Fasahah dan Suara.
- (b) Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dalam bidang-bidang penghakiman.
- (c) Kaedah pemarkahan (pemotongan markah) termasuk borang permarkahan.
- (d) Penentuan pemenang.

63. Mesyuarat Jemaah Hakim berhak menentukan Kaedah Penghakiman di para 62 dan boleh meminda dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan kaedah berkenaan.
64. Urus Setia Jemaah Hakim

Pengerusi Jemaah Hakim hendaklah melantik sekurang – kurangnya dua (2) orang Urus Setia Jemaah Hakim bagi menjalankan tugas berikut:

- (a) Mengurus dokumen pemarkahan.
 - (b) Menjaga masa.
 - (c) Mengurus Sistem Teknikal (Pemarkahan Digital).
 - (d) Menjalankan audit.
 - (e) Mengendali paparan teks al-Quran.
65. Tatacara penjagaan masa adalah seperti yang berikut:
 - (a) Masa dikira sebaik sahaja peserta memulakan bacaan Isti'azah.
 - (b) Lampu kuning dinyalakan beserta pembaz satu kali pada minit yang ke-lapan.
 - (c) Lampu merah dinyalakan beserta pembaz dua kali pada minit yang ke-sepuluh.

KaedaH Pengiraan Markah Tilawah

66. Kaedah Penghakiman dan Pemarkahan

Bahagian penghakiman dan wajaran markah bagi setiap bidang adalah seperti berikut:

BIDANG	MARKAH
Tajwid	35
Taranum	25
Fasahah	20
Suara	20
Jumlah Markah	100

BIDANG TAJWID

- (1) Perkara yang dinilai dalam penghakiman bidang Tajwid adalah seperti berikut:
- i. Menjaga segala hukum Tajwid dengan sempurna.
 - ii. Menjaga hukum huruf Ra' dan Lam.
 - iii. Mad Asli, Mad Tabii dan Mad Badal tetap dengan kadar panjang dua harakat.
 - iv. Mad Wajib Muttasil hendaklah dibaca dengan kadar panjang empat atau lima harakat ketika wasal manakala ketika waqaf boleh dibaca dengan kadar empat atau lima atau enam harakat. Sekiranya memilih salah satu daripadanya, hendaklah meneruskan bacaannya atas wajah itu tanpa berpindah kepada wajah yang lain.

- v. Mad Jaiz Munfasil boleh dibaca dengan empat atau lima harakat. Sekiranya memilih salah satu daripadanya, hendaklah meneruskan bacaannya atas wajah itu tanpa berpindah kepada wajah yang lain.
- (a) Sekiranya berhimpun Mad Wajib Muttasil dan Mad Jaiz Munfasil dalam satu persembahan bacaan maka hendaklah disesuaikan mengikut keutamaan dalam kaedah tajwid berkenaan.
- (b) Sekiranya terdapat dua Mad Jaiz Munfasil atau lebih dalam satu persembahan bacaan, maka hendaklah disamakan kadar mad tersebut. Contohnya jika dibaca dengan empat harakat pada Mad Jaiz Munfasil pertama, maka hendaklah dibaca dengan empat harakat juga pada Mad Jaiz Munfasil kedua, demikianlah seterusnya.
- (c) Bagi tariq at-Toyyibah, sekiranya memilih bacaan dengan qasr al-Munfasil (2 harakat) maka hendaklah menyempurnakan semua hukum tajwid menurut tariq tersebut.
- vi. Mad Lazim hendaklah dibaca dengan kadar enam harakat, manakala Mad Farq boleh dibaca dengan dua wajah, iaitu bacaan ibdal atau tashil.
- vii. Mad 'Aridh li as-Sukun dibaca dengan kadar panjang dua atau empat atau enam harakat. Jika dalam satu persembahan terdapat Mad 'Aridh li as-Sukun dan Mad Lin maka hendaklah diselaraskan mengikut kedudukan jadual berikut:

Apabila Mad 'Aridh li as-Sukun mendahului Mad Lin

(a) Mad 'Aridh li as-Sukun	(b) Mad Lin
Qasr	Qasr
Tawassut	Tawassut/Qasr
Isyba'	Isyba'/Tawassut/Qasr

Apabila Mad Lin mendahului Mad ‘Aridh li as-Sukun

(a) Mad Lin	(b) Mad ‘Aridh li as-Sukun
Qasr	Qasr/Tawassut/Isyba’
Tawassut	Qasr/Tawassut
Isyba’	Isyba’

- viii. Mad Silah Qasirah hendaklah dibaca dengan kadar dua harakat manakala Mad Silah Tawilah hendaklah dibaca dengan kadar panjangnya seperti Mad Jaiz Munfasil.
- ix. Menyempurnakan kadar Ghunnah dalam semua hukum yang berkaitan berdasarkan maratib (tingkatan) bacaan mengikut hukum masing-masing.
- x. Mengenai isymam dan raum, saktah, tashil dan ibdal, naql, silah dan imalah ialah mengikut tariq bacaan yang dipilih oleh peserta seperti yang berikut:

BIL	SURAH	NO. AYAT	KALIMAH	HUKUM
1	Yusuf	11	لَا تَأْمُنَّا	Isymam/raum
2	Kahfi	1	عَوْجَجٌ (۱) قَبِيلًا	Saktah
3	Al-Mutaffifin	14	كَلَّا بْلَرَان	
4	Yaasin	52	مَرْفِئِنَا هَذَا	
5	Al-Qiyamah	27	مَنْ رَاقِي	
6	Al-An'am	143-144	إِلَدَكْرَبِينَ	Tashil/ibdal
7	Yunus	59	قُلْ إِنَّ اللَّهَ	
8	Al-Naml	59	إِنَّ اللَّهَ	
9	Yunus	51 dan 91	إِلَلَّهُ	
10	Al-Hujurat	11	بِئْسَ الْأَسْنَمُ الْفَسُوقُ	Naql
11	Al-Furqan	69	فِيهِ مُهَاجِنَّا	Silah
12	Hud	41	مَجْرِنَّاهَا	Imalah

- (2) Peserta boleh dipertimbangkan untuk diberi markah istimewa dan terhad kepada 1 markah, sekiranya:
- Menyempurnakan riwayat qiraat dan tariq bacaan dengan sempurna.
 - Menyamai kadar panjang hukum mad (taswiyatul al-mudud).
 - Menyempurnakan sifat-sifat ghunnah.
- (3) Kaedah dan peraturan pemotongan markah dalam bidang Tajwid ialah seperti yang berikut:

BIL	JENIS KESALAHAN	POTONGAN
1	Setiap satu kesalahan khafiy seperti: - Tidak menyempurnakan kadar Mad Asli dan Mad Far'i - Meninggalkan Ghunnah - Tidak menyempurnakan Ghunnah	0.5
2	Setiap satu kesalahan jaliy seperti: - Meninggalkan Mad Asli - Bercampur riwayat dan tariq	1
3	Menamatkan bacaan sebelum 8 minit/pembaz pertama	3
4	Menamatkan bacaan sebelum 9 minit	2
5	Menamatkan bacaan 1 minit sebelum tempoh masa 10 minit	1
6	Menamatkan bacaan 15 saat sebelum tamat masa 10 minit	Tidak dipotong markah
7	Tidak membaca ayat atau surah yang telah ditetapkan	35
8	Maksima pemotongan markah adalah sebanyak 5 kali sahaja bagi setiap kesalahan yang sama.	

BIDANG TARANUM

- (1) Perkara yang dinilai dalam penghakiman bidang taranum adalah seperti berikut:
- i. Mengalunkan sekurang-kurangnya 4 jenis taranum Arab Misri yang muktabar seperti yang berikut:
 - (a) Soba- صبا
 - (b) Nahawand- نهانوند
 - (c) Jiharkah- جهارکاه
 - (d) Bayyat- بیات
 - (e) Sikah- سیکاه
 - (f) Hijaz- حجاز
 - (g) Rast- رست
 - ii. Mengalunkan dua taranum wajib yang diundi secara berturut-turut. Peserta bebas mengalunkan dua taranum wajib tersebut sama ada taranum pertama dan kedua; atau taranum kedua dan ketiga; atau taranum ketiga dan keempat.
 - iii. Setiap taranum hendaklah disempurnakan mengikut kesesuaian harakat sekurang-kurangnya dalam empat harakat tanpa takrir.
 - iv. Setiap taranum hendaklah dibawa dalam empat tabaqat suara dengan selesa - Qarar, Nawa, Jawab, Jawab al-Jawab.
 - v. Menunaikan sekurang-kurangnya satu Wuslah al-Mumathalah dalam bacaan dan ia mesti dilakukan dengan kaedah yang betul serta tidak bercampur aduk sehingga merosakkan alunan.

- vi. Menunaikan sekurang-kurangnya satu lkhtilal al-Lahn dalam bacaan.
 - vii. Taranum yang dibawa pada harakat yang terakhir sebelum pembaz kedua dibunyikan, hendaklah sama dengan taranum yang dibawa pada ayat permulaan.
- (2) Peserta boleh dipertimbangkan untuk diberi markah istimewa dan terhad kepada 1 markah, sekiranya:
- i. Taranum yang mempunyai gaya kearaban serta burdah, qit'ah, mahattah dan Wuslah al-Mumathalah yang menarik.
 - ii. Kecekapan mengalunkan taranum kelima yang mengandungi sekurang-kurangnya dua harakat dalam tiga tabaqat.
 - iii. Setiap taranum mengandungi lebih daripada empat harakat yang sempurna dan menarik.
 - iv. Taranum yang mempunyai gaya dan olahan yang menarik, sesuai dan tersendiri serta tidak terikat dengan aliran taranum tertentu dari mana-mana qari.
 - v. Menyesuaikan gaya alunan dan burdah dengan kehendak makna ayat.
 - vi. Mengalunkan burdah taranum dengan ringan dan menarik.
 - vii. Bacaan yang mempunyai alunan Salalim Nuzul atau Salalim Su'ud yang tersusun dan menarik pada mana-mana harakat taranum.

- (3) Kaedah dan peraturan pemotongan markah dalam bidang taranum ialah seperti yang berikut:

BIL	JENIS KESALAHAN	POTONGAN
1	Tidak membawa dua taranum pilihan, setiap satu taranum ditinggalkan hendaklah dipotong.	2
2	Tidak membawa dua jenis taranum wajib, setiap satu daripadanya yang ditinggalkan hendaklah dipotong.	4
3	Tidak membawa dua jenis taranum wajib secara berturut-turut (apabila peserta hanya membawa satu taranum wajib, dikira tidak membaca dua jenis taranum wajib secara berturut-turut juga).	2
4	Setiap taranum hendaklah disempurnakan sekurang-kurangnya dalam empat harakat tanpa takrir, satu harakat yang ditinggalkan hendaklah dipotong.	0.5
5	Tidak mengalunkan empat tabaqat bagi setiap taranum, satu tabaqat yang ditinggalkan hendaklah dipotong.	1
6	Setiap taranum tidak dibawa dalam empat Tabaqat suara dengan selesa - Qarar, Nawa, Jawab, Jawab al-Jawab.	0.5
7	Alunan yang sumbang	0.5
8	Nada yang sumbang	1
9	Tabaqat yang sumbang	1
10	Gangguan berkaitan kawalan pernafasan	0.5
11	Taranum bercampur aduk yang rosak	0.5
12	Takrir pada taranum	2
13	Takrir pada harakat	0.5
14	Takrir pada qit'ah lebih 3 kali	0.5
15	Meninggalkan satu wuslah al-mumathalah dalam bacaan	0.5
16	Meninggalkan satu ikhtilal al-lahn dalam bacaan	0.5
17	Taranum yang dibawa pada harakat yang terakhir sebelum pembaz kedua dibunyikan tidak sama dengan taranum yang dibawa pada ayat permulaan.	0.5

BIL	JENIS KESALAHAN	POTONGAN
18	Taranum yang tidak mempunyai gaya dan olahan alunan yang menarik dan sesuai.	0.5
19	Taranum yang tidak mempunyai zauq dan luhun Arab dan qit'ah-qit'ah yang menarik.	1
20	Menamatkan bacaan sebelum 8 minit / pembaz pertama	3
21	Menamatkan bacaan sebelum 9 minit	2
22	Menamatkan bacaan 1 minit sebelum tempoh masa 10 minit	1
23	Menamatkan bacaan 15 saat sebelum tamat masa 10 minit	Tidak dipotong markah
24	Tidak membaca ayat atau surah yang telah ditetapkan	25
25	Maksima pemotongan markah adalah sebanyak 5 kali sahaja bagi setiap kesalahan yang sama.	

BIDANG FASAHAH

- (1) Perkara yang dinilai dalam penghakiman bidang fasahah adalah seperti yang berikut:
- Fasih dan cermat dalam bacaan.
 - Mahir menyebut huruf, kalimah dan ayat.
 - Menyebut dengan betul setiap makhraj dan sifat huruf kecuali bagi hukum Ra' dan Lam.
 - Menyempurnakan hukum Tarqiq dan Tafkhim kecuali bagi hukum Ra' dan Lam.
 - Menyempurnakan segala huruf, harakat (baris) dan tasydid.
 - Menepati hukum waqaf dan ibtida'.
 - Bacaan dengan lajhah Arab.

- viii. Bacaan secara tahqiq.
 - ix. Mengawal pernafasan dengan baik.
 - x. Tiada gangguan pada alunan suara al-Quran sepanjang persembahan.
- (2) Peserta boleh dipertimbangkan untuk diberi markah istimewa dan terhad kepada 1 markah, sekiranya:
- i. Bacaan bertadabbur hasil gabungan husnu al-ada', as-sout al-hasan dan husnu at-tarannum yang menyentuh hati pembaca dan pendengar.
 - ii. Menyempurnakan waqaf dan ibtida' dalam keseluruhan bacaan.
 - iii. Menyempurnakan sebutan huruf dan sifatnya.
- (3) Kaedah dan peraturan pemotongan markah dalam bidang fasahah ialah seperti yang berikut:

BIL	JENIS KESALAHAN	POTONGAN
1	Tidak fasih dan tidak cermat dalam bacaan	0.5
2	Tidak mahir menyebut kalimah	0.5
3	Tidak menyebut dengan betul setiap makhraj dan sifat-sifat huruf	0.5
4	Tidak menjaga hukum-hukum Tarqiq dan Tafkhim	0.5
5	Tidak menyempurnakan baris dengan betul (Ikhtilas)	0.5
6	Menukar huruf, harakat (baris) dan tasydid	1
7	Kesalahan Waqaf	1
8	Kesalahan Ibtida'	1
9	Gangguan kawalan pernafasan	0.5
10	Gangguan pada alunan suara al-Quran sepanjang persembahan	0.5
11	Lafaz huruf dan kalimah yang tidak berlahjah Arab.	0.5
12	Bacaan secara tadwir dan tidak tahqiq; atau bercampur antara keduanya.	5

BIL	JENIS KESALAHAN	POTONGAN
13	Memulakan bacaan pada 1 ayat sebelum atau 1 ayat selepas dari ayat yang ditetapkan	10
14	Meninggalkan atau melangkau 1 ayat semasa bacaan	10
15	Meninggalkan atau melangkau 1 kalimah semasa bacaan	3
16	Menamatkan bacaan sebelum 8 minit / pembaz pertama	3
17	Menamatkan bacaan sebelum 9 minit	2
18	Menamatkan bacaan 1 minit sebelum tempoh masa 10 minit	1
19	Menamatkan bacaan 15 saat sebelum tamat masa 10 minit	Tidak dipotong markah
20	Tidak membaca ayat atau surah yang telah ditetapkan	20
21	Maksima pemotongan markah adalah sebanyak 5 kali sahaja bagi setiap kesalahan yang sama.	

BIDANG SUARA

- (1) Perkara yang dinilai dalam penghakiman bidang suara adalah seperti yang berikut:
- i. Kebersihan, kelicinan dan kelancaran suara.
 - ii. Kemanisan dan kelembutan suara.
 - iii. Suara terang, nyata, lantang dan tajam.
 - iv. Kualiti suara yang tidak berubah dari mula bacaan hingga ke akhirnya walaupun ada tekanan suara turun dan naik semasa membaca.
 - v. Dapat mengawal sepenuhnya alunan suara dengan selesa dalam semua tabaqat.
 - vi. Ketepatan nada suara ketika peralihan harakat dan peralihan taranum.
 - vii. Gerakan suara yang sesuai dan dapat menghidupkan rentak dan alunan.

- (2) Peserta boleh dipertimbangkan untuk diberi markah istimewa dan terhad kepada 1 markah, sekiranya:
- Keindahan suara (as-sout al-hasan) yang mempunyai zauq dan luhun Arab.
 - Suara yang mempunyai getaran dan burdah yang menarik.
 - Suara yang bergerak dengan sesuai dan dapat menghidupkan rentak suara.
 - Kelantangan, ketajaman, kelembutan dan keringanan suara di sepanjang bacaan.

- (3) Kaedah dan peraturan pemotongan markah dalam bidang suara ialah seperti yang berikut:

BIL	JENIS KESALAHAN	POTONGAN
1	Suara serak	0.5
2	Suara parau	0.5
3	Suara sumbang	0.5
4	Suara yang tidak bersih	0.5
5	Suara yang tersepit atau tercekik	0.5
6	Suara tenggelam	0.5
7	Suara pecah	0.5
8	Suara tidak licin	0.5
9	Suara berubah-ubah kualiti	0.5
10	Suara lemah	0.5
11	Suara lembap	0.5
12	Suara keras dan kaku	0.5
13	Suara terputus-putus	0.5
14	Suara terketar-ketar	0.5
15	Nada suara mendatar	0.5

BIL	JENIS KESALAHAN	POTONGAN
16	Tabaqat suara tidak sempurna	0.5
17	Gangguan kawalan pernafasan	0.5
18	Suara kurang 1 tabaqat wajib	1
19	Suara kurang 2 tabaqat wajib	2
20	Suara kurang 3 tabaqat wajib	3
21	Menamatkan bacaan sebelum 8 minit / pembaz pertama	3
22	Menamatkan bacaan sebelum 9 minit	2
23	Menamatkan bacaan 1 minit sebelum tempoh masa 10 minit	1
24	Menamatkan bacaan 15 saat sebelum tamat masa 10 minit	Tidak dipotong markah
25	Tidak membaca ayat atau surah yang telah ditetapkan	20
26	Maksima pemotongan markah adalah sebanyak 5 kali sahaja bagi setiap kesalahan yang sama.	

(2) KAEDAH PENGHAKIMAN HAFAZAN

67. (1) Jemaah Hakim Hafazan hendaklah terdiri daripada—
- (a) Ketua Pengarah JAKIM sebagai Pengerusi Jemaah Hakim yang hendaklah dilantik oleh YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk MTHQK; dan
 - (b) anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Pengerusi Jemaah Hakim seperti yang berikut:
 - (i) seorang Timbalan Pengerusi;
 - (ii) seorang Setiausaha;
 - (iii) seorang Penolong Setiausaha; dan
 - (iv) sekurang-kurangnya 14 orang Hakim.

- (2) Jika, dalam apa-apa tempoh, Ketua Pengarah JAKIM tidak ada di dalam Malaysia, sakit atau atas apa-apa sebab lain, tidak berdaya melaksanakan fungsinya, YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk MTHQK hendaklah melantik Timbalan Ketua Pengarah JAKIM sebagai Pengerusi Jemaah Hakim dan Timbalan Ketua Pengarah JAKIM itu hendaklah melaksanakan fungsi Pengerusi Jemaah Hakim selama tempoh itu termasuk fungsinya untuk melantik anggota Jemaah Hakim Hafazan di bawah perenggan (i), (ii), (iii) dan (iv).

PENGHAKIMAN

68. Bidang penghakiman adalah seperti yang berikut:

- (a) Fatih
- (b) Munabbih
- (c) Hafaz dan Lancar
- (d) Tajwid
- (e) Fasahah
- (f) Suara dan Persembahan
- (g) Taranum
- (h) Tafsir

KOMPETENSI JEMAAH HAKIM

69. Kompetensi Jemaah Hakim Hafazan adalah seperti yang berikut:

- (a) Berintegriti.
- (b) Mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu al-Quran dan al-Qiraat.

- (c) Sentiasa mengekalkan hafazan al-Quran dalam kehidupan harian
- (d) Beretika Hamalat al-Quran yang tinggi dan beradab.
- (e) Mahir dalam bidang suara dan taranum bagi hakim berkenaan dan keutamaan diberikan kepada Johan MTHQK.
- (f) Mempunyai pengalaman menjadi hakim undangan dari dalam dan luar Negara.
- (g) Sihat tubuh badan dan mampu menjalankan tugas dengan sempurna.

TUGAS JEMAAH HAKIM

- 70. Pengerusi Jemaah Hakim bertanggungjawab mengatur dan mentadbir cara penghakiman yang lengkap dengan memastikan ia dijalankan dengan penuh amanah, adil dan rahsia. Di samping itu beliau bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara seperti yang berikut:
 - (a) Memastikan soalan ayat-ayat dan borang permarkahan disediakan.
 - (b) Memastikan penentuan tarikh, sesi, giliran dan soalan ayat-ayat peserta membaca diadakan secara undi.
 - (c) Sentiasa berada di tempat penghakiman bagi memantau dan mengawasi tugas penghakiman.
 - (d) Mempengerusikan mesyuarat Jemaah Hakim, iaitu sebelum dan selepas majlis.
 - (e) Melantik ahli jemaah hakim.
 - (f) Menetapkan tugas-tugas penghakiman ahli jemaah hakim.

- (g) Menilai, mengesahkan dan menandatangani keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh setiap ahli jemaah hakim.
- (h) Mengisyiharkan keputusan MTHQK.
- (i) Melantik beberapa orang pegawai petugas urus setia Jemaah Hakim bagi membantu kerja-kerja berkaitan Jawatankuasa Kehakiman.
- (j) Pengerusi berkuasa sepenuhnya memuktamadkan pelaksanaan penghakiman MTHQK.
- (k) Mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana hakim yang melanggar etika penghakiman.

71. Tugas-tugas Jemaah Hakim adalah seperti yang berikut:

- (a) Setiap hakim hendaklah menghakimi bacaan peserta mengikut bidang-bidang yang ditetapkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim.
- (b) Melaksanakan penghakiman berdasarkan Peraturan dan Penghakiman MTHQK (Pindaan 2024) dan sebarang pindaan yang diputuskan dari semasa ke semasa.
- (c) Setiap hakim dikehendaki menghakimi dengan adil, amanah dan bertanggungjawab.
- (d) Merahsiakan proses penghakiman dan pemarkahan.
- (e) Mengemukakan ulasan penghakiman mengikut bidang masing-masing.
- (f) Jemaah Hakim boleh dilantik sebagai penasihat, panel, pembimbing, fasilitator dan pakar rujuk bagi sebarang keperluan yang berkaitan dengan MTHQK dan MTHQA.

72. **Kaedah Penghakiman**

Jemaah Hakim hendaklah mengadakan satu kaedah penghakiman yang meliputi perkara-perkara yang berikut:

- (a) Bahagian-bahagian penghakiman iaitu Fatih, Munabbih, Hafaz dan Lancar, Tajwid, Fasahah, Suara dan Persembahan, Taranum dan Tafsir.
 - (b) Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dalam bidang-bidang penghakiman.
 - (c) Kaedah pemarkahan (pemotongan markah) termasuk borang pemarkahan.
 - (d) Penentuan pemenang.
73. Mesyuarat Jemaah Hakim berhak menentukan Kaedah Penghakiman di para 72 dan boleh meminda dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan kaedah berkenaan.
74. **Urus Setia Jemaah Hakim**

Pengerusi Jemaah Hakim hendaklah melantik sekurang – kurangnya dua (2) orang Urus Setia Jemaah Hakim bagi menjalankan tugas berikut:

- (a) Mengurus dokumen pemarkahan
 - (b) Menjaga masa
 - (c) Mengurus Sistem Teknikal (Pemarkahan Digital)
 - (d) Menjalankan audit
 - (e) Mengendali paparan teks al-Quran
75. Tatacara penjagaan masa adalah masa dikira sebaik sahaja peserta mula membaca ayat hafazan atau Hakim Fatih mula membaca soalan ulangan.

Kaedah Pengiraan Markah Hafazan

76. Kaedah Penghakiman dan Pemarkahan

Bahagian penghakiman dan wajaran markah bagi setiap bidang adalah seperti yang berikut:

WAJARAN MARKAH

BIDANG PENGHAKIMAN	TAHAP & SOALAN	TAHAP 1		TAHAP 2	TAHAP 3
		JUZUK 1 – 10 DAN MUJAWWAD		JUZUK 1- 20	JUZUK 1 – 30 DAN TAFSIR
		SOALAN 1 & 2	SOALAN 3 (MUJAWWAD)		
HAFAZ & LANCAR		50	40	50	45
TAJWID		20	20	20	20
FASAHAH		15	15	15	15
SUARA & PERSEMBAHAN		10	10	10	10
TARANUM		5	15	5	5
TAFSIR					5
JUMLAH		100	100		
JUMLAH KESELURUHAN		100		100	100

PEMARKAHAN TAFSIR

BILANGAN SOALAN	TEPAT	KURANG TEPAT	TIDAK TEPAT
SOALAN 1	2.5	1.5	0
SOALAN 2	2.5	1.5	0
JUMLAH	5 MARKAH		

PEMOTONGAN MARKAH

BARIS AYAT	KADAR POTONGAN
Membaca 9-10 baris	Tiada
